

# **MESYUARAT LEMBAGA GABENOR PENDIDIKAN DAN LATIHAN TUDM SIRI 19/2017**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2773-mesyuarat-lembaga-gabenor-pendidikan-dan-latihan-tudm-siri-19-2017](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2773-mesyuarat-lembaga-gabenor-pendidikan-dan-latihan-tudm-siri-19-2017)

BANTING - Mesyuarat Lembaga Gabenor Pendidikan dan Latihan TUDM (BOG TUDM) Siri 19/2017 yang dikendalikan oleh MTU-BSM (Latih) telah diadakan selama 2 hari bermula pada 13 hingga 14 Dis 17 bertempat di Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey, Selangor.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dan dihadiri oleh Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, AKS Operasi & Strategik, AKS Kejuruteraan, AKS Sumber Manusia, AKS Tadbir serta wakil dari MTU, MPOU dan MPPLU.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk melaporkan pencapaian kursus dan latihan tahun 2017 serta membincangkan perancangan kursus bagi bahagian di bawah naungan MTU, MPOU dan MPPLU untuk tahun 2018.

